

Ruj.Kami : JANMKEL.600-1/1/4 (05)
Tarikh : 12 Januari 2023
19 Jamadilakhir 1444

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2023 MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan surat edaran daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rujukan JPA.800-3/2/4(17) bertarikh 27 Disember 2022, Kerajaan telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2023 sebanyak RM700.00 dibayar kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah. BKK ini telah ditetapkan bayaran pada 17 Januari 2023.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan membuka sekatan *overbajet* OS17000 di iGFMS bagi **tempoh 17 Januari (Selasa) sehingga 24 Januari 2023 (Selasa)**. Pembukaan *overbajet* ini adalah untuk membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahan Pembayaran melalui Modul Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Tempatan (K2) kepada pegawai yang layak menerima BKK Tahun 2023 namun tidak diproses melalui **Sistem Emolumen Berkomputer Modul Human Capital Management (HCM) pada bulan Januari 2023**.

4. PTJ hendaklah memastikan pembayaran BKK Tahun 2023 disemak dengan teliti bagi memastikan tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan *overbajet* hendaklah disempurnakan melalui HCM pada bulan berikutnya. **PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BKK Tahun 2023 tidak dibuat pembayaran dua (2) kali kepada pegawai yang layak.**

5. PTJ juga perlu mematuhi tatacara bayaran sepertimana di Para 3.4.2 dan 3.7 Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 6 Tahun 2022, mengisi nombor rujukan buletin ini dengan jelas di ruangan Perihal Bayaran semasa penyediaan Arahan Pembayaran dan memastikan Arahan Pembayaran berstatus "80" sebelum atau selewat-lewatnya pada jam 5.00 petang, 24 Januari 2023 (Selasa).

JANMKEL.600-1/1/4 (05)

6. Arahan ini hanya terpakai bagi bayaran BKK Tahun 2023 melalui Arahan Pembayaran sehingga 24 Januari 2023 sahaja. Sebarang bayaran BKK Tahun 2023 melalui Arahan Pembayaran selepas tarikh tersebut perlu dikemukakan kepada JANM Negeri Kelantan untuk kelulusan.

7. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

PENGARAH
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI KELANTAN